

INPUT BERKAITAN MAJLIS EKONOMI DIGITAL DAN REVOLUSI PERINDUSTRIAN KEEMPAT (4IR) NEGARA (MED4IRN)

Latar Belakang

1. Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara (MED4IRN) ditubuhkan dengan tujuan untuk menyelaraskan agenda digital negara, selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Ogos 2020.
2. Mesyuarat MED4IRN yang pertama telah diadakan pada 10 November 2020. Sehingga kini, MED4IRN telah bersidang sebanyak 6 kali.
3. Sekretariat MED4IRN adalah MyDIGITAL Corporation.
4. Antara isu penting yang dibincangkan dalam MED4IRN terdahulu :
 - a) cadangan pelaksanaan Identiti Digital Nasional (IDN);
 - b) kemajuan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA);
 - c) *National e-Commerce Strategic Roadmap (NESR) 2.0*;
 - d) penubuhan *Digital Investment Office*;
 - e) pengubalan *Omnibus Act – Public Sector (Data Sharing) Act*;
 - f) Pendigitalan Sistem Pendidikan Negara;
 - g) pelaksanaan *Malaysia Startup Ecosystem Roadmap (SUPER) 2021-2030*;
 - h) Pelan Tindakan Teknologi Dron Malaysia 2022-2030 (MDTAP30);
 - i) [penubuhan Jawatankuasa Ekonomi Perkongsian (*Sharing Economy*)

Peranan MED4IRN

5. Secara umumnya, MED4IRN berperanan menentukan hala tuju pelaksanaan RTEDM dan D4IRN dengan disokong oleh Ahli Majlis yang terdiri daripada Menteri-Menteri, wakil daripada pihak swasta, akademik/kumpulan pemikir dan organisasi masyarakat sivil.
6. Kerajaan Perpaduan pada Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 12 April 2023 telah bersetuju agar skop bidang kuasa MED4IRN ditambah baik, seperti mana butiran berikut:

- (i) merangka strategi dan kepimpinan dasar dalam usaha menjana nilai ekonomi baharu berasaskan digital, teknologi, inovasi dan lestari untuk negara, rakyat dan alam sekitar;
- (ii) peluasan skop bidang keutamaan MED4IRN meliputi peranan terhadap bidang berikut:
 - a) Ekonomi Digital seperti yang digariskan dalam Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia (RTEDM); dan teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) seperti yang digariskan dalam Dasar 4IR Negara (D4IRN);
 - b) projek berimpak tinggi yang memaksimumkan penggunaan teknologi digital dan 4IR untuk:
 - 1) mencapai matlamat *Sustainable Development Goals* (SDG) seperti di perenggan;
 - 2) mendorong penciptaan pekerjaan, bakat digital, pertumbuhan dalam pelaburan digital dan sebarang pemangkin/pemacu lain yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi digital; dan
 - 3) mentransformasikan digital sektor awam dan inisiatif digital/4IR di semua kementerian/ agensi;
- (iii) berfungsi sebagai platform penyelesaian masalah dengan sasaran berikut:
 - a) mengatasi isu pelaksanaan yang menghalang kejayaan pelaksanaan berkaitan digital dan 4IR;
 - b) meminimumkan kesan gangguan (*disruptive impact*) oleh teknologi dan modelnya, yang berkemungkinan menjejaskan perniagaan dan rakyat; dan
 - c) memupuk perkongsian dan kerjasama awam-swasta dalam menyokong pendekatan keseluruhan negara (*whole-of-nation approach*).

Jemputan Keahlian

- 7. YB Menteri Ekonomi menjemput individu berkeelayakan untuk menjadi ahli MED4IRN.
- 8. Syarat permohonan:
 - a) Individu yang berpengalaman dalam pendigitalan dan teknologi 4IR dari agensi swasta, badan bukan kerajaan dan mana-mana individu tunggal penggiat industri;

- b) Berpengetahuan luas mengenai trend ekonomi digital dan teknologi 4IR peringkat global, rantau Asia dan dalam negara; dan
 - c) mempunyai minat untuk bersama-sama kerajaan dalam membangunkan ekonomi digital negara dan teknologi 4IR negara.
9. Terma lain :
- a) keahlian adalah secara sukarela;
 - b) tidak melibatkan imbuhan kewangan; dan
 - c) pelantikan adalah terhad sebagai ahli mesyuarat sahaja (tidak terikat dengan mana-mana agensi kerajaan) untuk tempoh 2 tahun.
10. Permohonan dan pertanyaan boleh dikemukakan melalui e-mel MED4IRN@mydigital.gov.my.
11. Tarikh tutup permohonan adalah pada 2 Jun 2023 (Jumaat).